

PAS PERJALANAN PERCUMA – OKU SMILE

Pada 21 Disember 2023, Menteri Pengangkutan YB Anthony Loke mengumumkan bahawa pengguna orang kurang upaya (OKU) akan menikmati perjalanan percuma untuk semua perkhidmatan bas dan rel di bawah kendalian Prasarana bermula 1 Februari 2024. Inisiatif ini sejajar dengan agenda tanggungjawab sosial korporat Prasarana dan dijangka memberi manfaat kepada pengguna pengangkutan awam OKU di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kuantan, Pahang.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah Pas Khas Perjalanan Percuma OKU SMILE?

Pas OKU SMILE adalah pas konsesi OKU yang diaktifkan pada Kad Konsesi OKU Prasarana, yang akan menyediakan PERJALANAN PERCUMA bagi individu OKU berdaftar warganegara Malaysia untuk semua jenis perkhidmatan rel dan bas kendalian Prasarana bermula 1 Februari 2024.

2. Saya adalah pemegang Kad Konsesi OKU Prasarana sedia ada; adakah saya layak untuk mendapatkan pas OKU SMILE?

Ya, sebagai pemegang Kad Konsesi OKU Prasarana sedia ada, anda layak mendapatkan pas OKU SMILE, yang boleh diaktifkan mulai 15 Januari 2024 untuk menikmati perjalanan percuma bermula 1 Februari 2024.

3. Bagaimana cara saya mengaktifkan pas OKU SMILE?

Pas OKU SMILE boleh diaktifkan bermula 15 Januari 2024 di kaunter pendaftaran konsesi di Hab Bas Pasar Seni atau Stesen MRT Conlay (*bagi permohonan baru Kad Konsesi OKU Prasarana*) atau di mana-mana stesen Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, dan hab bas terpilih, termasuk Rapid Penang dan Rapid Kuantan (*bagi pemegang Kad Konsesi OKU Prasarana sedia ada*) di lokasi yang disenaraikan di bawah:

A. Rapid KL, LRT, MRT, Monorel, BRT, hab bas: -

1. Pasar Seni
2. Chow Kit
3. KLCC
4. Sri Nilam
5. Puchong Utama
6. Pearl Point
7. Sunway Pyramid
8. Greenwood
9. Seksyen 2 Shah Alam

B. Kiosk Rapid Penang: -

1. Ibu Pejabat Rapid Penang (Lorong Kulit)
2. Terminal Bas Weld Quay (Terminal B)
3. Terminal Bas Komtar

4. Hab Bas Bukit Jambul
 5. Terminal Bas Balik Pulau
 6. Terminal Bas Bukit Mertajam
 7. Hab Bas Kompleks Dato' Kailan, Kepala Batas
 8. Penang Sentral
- C. Kaunter Kad Rapid Kuantan: -
1. Hentian Bandar Kuantan
- 4. Saya adalah pemegang kad JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) tetapi tidak memiliki Kad Konsesi OKU Prasarana. Di manakah saya boleh memohon Kad Konsesi OKU Prasarana?**
- Untuk memohon Kad Konsesi OKU Prasarana baru dari Rapid KL, sila lawati Kaunter Pendaftaran Konsesi di Hab Bas Pasar Seni atau Stesen MRT Conlay. Kad anda akan siap pada hari yang sama, dan dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran adalah:
- a) Kad MyKad asal.
 - b) Kad JKM (OKU) asal untuk pengesahan.
 - c) Pembayaran tunai sebanyak RM5.00.

Atau memohon secara dalam talian melalui https://myrapid.com.my/concession-card-registration/?concession_form=oku. Kad akan sedia untuk diambil dalam masa 3 hari berkerja, dan dokumen berikut diperlukan untuk permohonan dalam talian: -

- a) Salinan kad MyKad asal.
- b) Salinan kad JKM (OKU) asal untuk pengesahan.
- c) Gambar berukuran paspot dengan latar belakang warna putih atau biru.
- d) Pembayaran sebanyak RM5.00 boleh dibuat dalam talian.

Bagi Rapid Penang, permohonan Kad Konsesi OKU Prasarana baru boleh dilakukan di mana-mana kaunter Rapid Penang. Dokumen yang diperlukan adalah:

- a) Kad MyKad asal.
- b) Kad JKM (OKU) asal untuk pengesahan.
- c) Pembayaran tunai sebanyak RM5.00.

Bagi Rapid Kuantan, permohonan Kad Konsesi OKU Prasarana baru boleh dilakukan di kaunter kad Hentian Bandar Kuantan. Dokumen yang diperlukan adalah:

- a) Kad MyKad asal.
- b) Kad JKM (OKU) asal (untuk OKU sahaja) untuk pengesahan.
- c) Pembayaran tunai sebanyak RM5.00.

*Dokumen gantian yang diperlukan (jika berkenaan): -

- a) Salinan Laporan Polis jika tidak dapat menyediakan Kad MyKad asal atas sebarang sebab (kerana kehilangan kad MyKad).
- b) Salinan Laporan Polis jika tidak dapat menyediakan Kad JKM (OKU) asal atas sebarang sebab (kerana kehilangan kad JKM).

5. Adakah wakil pemohon dibenarkan hadir semasa proses permohonan, atau pemohon dikehendaki hadir secara fizikal di kaunter?

Wakil pemohon tidak dibenarkan; pemohon dikehendaki hadir secara fizikal di kaunter untuk Pegawai Khidmat Pelanggan kami mengambil gambar semasa proses permohonan.

6. Adakah saya perlu membuat sebarang bayaran semasa memohon Kad Konsesi OKU Prasarana baru?

Bayaran sebanyak RM5.00 (harga kad) diperlukan semasa permohonan, yang perlu dibayar oleh pemohon, dan nilai dompet sebanyak RM5.00 (*terhad untuk permohonan baru sahaja, tidak termasuk untuk kad hilang, tidak aktif, rosak dan sebagainya*) akan dikreditkan oleh Prasarana dalam kad untuk keperluan kemasukan minima bagi semua perkhidmatan rel dan bas di bawah Rapid KL, Rapid Penang, dan Rapid Kuantan.

7. Apakah waktu operasi Kaunter Pendaftaran Konsesi?

Perkhidmatan	Kaunter/Kiosk	Hari	Waktu Operasi
Rapid KL	Hab Bas Pasar Seni	Isnin hingga Jumaat (Ditutup pada Sabtu, Ahad dan Cuti Umum)	9:00 pagi – 4:00 petang
	Stesen MRT Conlay	Isnin hingga Jumaat (Ditutup pada Sabtu, Ahad dan Cuti Umum)	9:00 pagi – 4:00 petang
Rapid Penang	Ibu Pejabat (Lorong Kulit)	Isnin hingga Jumaat (Ditutup pada Sabtu, Ahad dan Cuti Umum)	8:00 pagi – 5:00 petang
	Balik Pulau Bukit Mertajam	Isnin hingga Jumaat (Ditutup pada Sabtu, Ahad dan Cuti Umum)	11:00 pagi – 7:00 malam
	Komtar Weld Quay Penang Sentral	Isnin hingga Sabtu	8:00 pagi – 8:00 malam
	Bukit Jambul Kepala Batas	Isnin hingga Sabtu (Ditutup pada Ahad dan Cuti Umum)	11:00 pagi – 7:00 malam
	Komtar Weld Quay Bukit Jambul Penang Sentral	Ahad (Ditutup pada Cuti Umum).	9:00 pagi – 5:00 petang

Rapid Kuantan	Hentian Bandar	Isnin hingga Jumaat. Sabtu Minggu Pertama & Ketiga setiap bulan. (Ditutup pada Ahad dan Cuti Umum)	8:00 pagi – 5:30 petang
---------------	----------------	--	-------------------------

*Waktu rehat pada hari Jumaat (12:30 tengah hari – 2:30 petang)

**Kaunter Pendaftaran Konsesi akan beroperasi pada hari Cuti Umum Hari Wilayah Persekutuan, 1 Februari 2024, untuk proses pendaftaran pas OKU SMILE bagi perkhidmatan Rapid KL.

8. Adakah saya perlu memperbaharui pas OKU SMILE?

Pas OKU SMILE akan mempunyai fungsi pembaharuan automatik untuk memastikan pengaktifan yang berterusan. Pengguna pas OKU SMILE digalakkan untuk menggunakan pas secara berkala bagi memastikan pas OKU SMILE sentiasa aktif. Pemegang pas OKU SMILE hendaklah sentiasa mengekalkan nilai minima dompet sebanyak RM5.00 semasa menggunakan perkhidmatan rel dan bas kendalian Rapid KL, Rapid Penang, dan Rapid Kuantan.

9. Adakah saya perlu membuat sebarang pembayaran semasa mengaktifkan pas OKU SMILE?

Jika anda adalah pemegang Kad Konsesi OKU Prasarana sedia ada, tiada bayaran dikenakan untuk mengaktifkan pas OKU SMILE. Pemegang pas OKU SMILE hendaklah sentiasa mengekalkan nilai minima dompet sebanyak RM5.00 semasa menggunakan perkhidmatan kami di Rapid KL, Rapid Penang, dan Rapid Kuantan.

10. Apa yang akan berlaku jika nilai dalam dompet Touch 'n Go saya pada Kad Konsesi OKU Prasarana mempunyai baki kurang daripada RM5.00?

Jika Kad Konsesi OKU Prasarana anda mempunyai baki kurang dari RM5.00, anda tidak akan dapat menaiki tren/memasuki palang tiket automatik atau menaiki bas. Anda dikehendaki menambah nilai kad anda sebelum meneruskan perjalanan untuk memenuhi nilai minima dompet iaitu RM5.00.

11. Adakah saya masih boleh menikmati kadar tetap di kemudahan Park N' Ride Rapid KL di stesen LRT atau MRT selepas saya mengaktifkan pas OKU SMILE?

Ya, anda masih boleh menikmati kadar tetap di kemudahan Park N' Ride LRT dan MRT apabila anda menggunakan perkhidmatan LRT, MRT, Monorel, BRT, tetapi anda perlu mengimbas pas OKU SMILE anda yang telah diaktifkan di pintu masuk/keluar Park N' Ride dan menggunakan pas OKU SMILE yang sama apabila menaiki rel atau bas.

12. Apa yang perlu saya lakukan jika saya kehilangan Kad Konsesi OKU Prasarana / pas OKU SMILE?

Untuk Rapid KL: -

Gantikan kad di Kaunter Konsesi di Pasar Seni Bus Hub, Stesen MRT Conlay, atau secara dalam talian. Setelah kad tersedia, aktifkan pas OKU SMILE baru anda di mana-mana stesen Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, atau beberapa hab bas terpilih. Sila hubungi Touch 'n Go Careline di 03-27148888 atau lawati mana-mana Hab Touch

'n Go untuk melaporkan kehilangan dan mendapatkan balik baki dompet. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Untuk Rapid Penang: -

Untuk menggantikan dan mengaktifkan pas OKU SMILE anda, sila lampirkan laporan polis untuk penggantian kad di mana-mana kiosk Rapid Penang. Sila ambil perhatian bahawa caj denda sebanyak RM10.00 akan dikenakan untuk penggantian kad yang hilang disebabkan kelalaian. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Untuk Rapid Kuantan: -

Untuk menggantikan dan mengaktifkan pas OKU SMILE anda, sila lampirkan laporan polis untuk penggantian kad di Kaunter Khidmat Pelanggan yang terletak di Hentian Bandar Kuantan. Sila ambil perhatian bahawa caj denda sebanyak RM10.00 akan dikenakan untuk penggantian kad yang hilang disebabkan kelalaian. Untuk pengembalian baki dompet, sila hubungi Touch 'n Go Careline di 03-27148888 atau lawati mana-mana Hab Touch 'n Go. Tertakluk kepada terma dan syarat.

13. Apa yang perlu saya lakukan jika pas OKU SMILE saya tidak dapat dibaca?

Untuk Rapid KL: -

Sila lawati Kaunter Konsesi di Hab Bas Pasar Seni, Stesen MRT Conlay, atau secara dalam talian untuk penggantian Kad Konsesi OKU Prasarana. Setelah kad tersedia, lawati mana-mana stesen Rapid KL LRT, MRT, Monorel, BRT, atau hab bas terpilih untuk mengaktifkan pas OKU SMILE baru anda. Sila hubungi Touch 'n Go Careline di 03-27148888 atau lawati mana-mana Hab Touch 'n Go untuk mendapatkan balik baki dompet. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Untuk Rapid Penang: -

Sila lawati Kaunter Konsesi di kiosk Rapid Penang terdekat dan laporkan masalah tersebut. Pegawai Khidmat Pelanggan (CSO) akan menggantikan dan mengaktifkan pas OKU SMILE yang baru tanpa sebarang kos.

Untuk Rapid Kuantan: -

Sila lawati Kaunter Khidmat Pelanggan di Hentian Bandar Kuantan. Pegawai Khidmat Pelanggan (CSO) akan menggantikan dan mengaktifkan pas OKU SMILE yang baru di tempat yang sama. Sila hubungi Touch 'n Go Careline di 03-27148888 atau lawati mana-mana Hab Touch 'n Go untuk mendapatkan balik baki dompet. Tertakluk kepada terma dan syarat.

14. Apa yang akan berlaku jika saya tidak mengimbas keluar pas OKU SMILE saya semasa menggunakan perkhidmatan bas Rapid KL, Rapid Penang, dan Rapid Kuantan?

Pelanggan perlu mengimbas masuk dan keluar pas OKU SMILE semasa menggunakan perkhidmatan bas Rapid KL, Rapid Penang dan Rapid Kuantan. Jika gagal berbuat demikian, nilai dompet Touch 'n Go anda akan ditolak dari kad. Pastikan untuk sentiasa mengekalkan nilai dompet sebanyak RM5.00 pada setiap masa.

15. Adakah pas OKU SMILE boleh digunakan untuk perjalanan ke luar kawasan atau antara negeri, atau hanya sah di kawasan yang ditentukan (Rapid KL, Rapid Penang, dan Rapid Kuantan)?

Pas OKU SMILE yang boleh digunakan untuk Rapid KL dan Rapid Kuantan membolehkan penggunaan di kedua-dua rel dan bas dalam Lembah Klang yang dioperasikan oleh Rapid KL, serta perkhidmatan bas di Kuantan oleh Rapid Kuantan. Sementara itu, pas OKU Smile untuk Rapid Penang hanya sah untuk perkhidmatan bas dalam Pulau Pinang yang dioperasikan oleh Rapid Penang dan tidak boleh digunakan di Kuantan atau Lembah Klang.

16. Saya adalah pengiring kepada pemegang Kad Konsesi OKU Prasarana yang berdaftar untuk pas OKU SMILE. Adakah saya layak untuk menikmati faedah perjalanan percuma ini?

Pengiring kepada pemegang Kad Konsesi OKU Prasarana dan berdaftar untuk pas OKU SMILE tidak layak menikmati perjalanan percuma untuk semua perkhidmatan rel dan bas kendalian Rapid KL, Rapid Penang dan Rapid Kuantan. Pengiring OKU hendaklah membeli token perjalanan atau menggunakan pas My50 seperti pengguna biasa. Kad Konsesi OKU Prasarana tidak boleh dipindahmilik, dan terhad untuk penggunaan pemegang kad berdaftar sahaja.

17. Apakah Langkah yang perlu diambil sekiranya Kad Konsesi OKU Prasarana saya tidak aktif? Bagaimana cara untuk membuat permohonan baru, dan berapakah kos pengeluaran kad tersebut?

Jika Kad Konsesi OKU Prasarana tidak aktif, pemegang kad hendaklah membuat permohonan baru Kad Konsesi OKU Prasarana dengan pembayaran RM5.00 untuk kos pengeluaran kad tersebut. Tiada pra-kredit nilai dompet RM5.00 akan dikreditkan untuk permohonan kad yang tidak aktif.

18. Adakah Kad Konsesi OKU Prasarana boleh dipindahmilik dan digunakan oleh pengguna selain daripada pemegang Kad Konsesi OKU Prasarana yang sah dan berdaftar?

Kad Konsesi OKU Prasarana tidak boleh dipindahmilik dan terhad untuk pengguna OKU berdaftar sahaja. Sekiranya penggunaan Kad Konsesi OKU Prasarana ini didapati disalahgunakan untuk sebarang tujuan, termasuk perjalanan percuma pas OKU SMILE bagi yang tidak layak, Kad Konsesi OKU Prasarana tersebut akan disenaraihitamkan dan ditamatkan penggunaan serta merta.

Prasarana berhak, atas budi bicaranya, untuk mengubah, memadam, atau menambah mana-mana maklumat ini serta terma dan syarat tanpa sebarang notis awal.

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila e-mel kepada kami di suggest@rapidkl.com.my atau hubungi 03-7885 2585 (Isnin hingga Jumaat, 7:00 pagi - 8:30 malam, Sabtu dan Ahad serta Cuti Umum dari jam 7:00 pagi - 5:30 petang).

Untuk Rapid Penang, sila e-mel kepada kami di rapidcare@prasaranacom.my atau hubungi talian 04-255 8000 (Isnin hingga Jumaat, 6:30 pagi - 10:30 malam, dan Sabtu hingga Ahad, 7:30 pagi - 9:30 malam).



Untuk Rapid Kuantan, sila e-mel kepada kami di rapidcare@rapidkuantan.com.my atau hubungi talian 09-566 3686 atau 019-385 8607 (Isnin hingga Jumaat, 8:00 pagi – 6:00 petang, dan hari Sabtu minggu pertama dan ketiga setiap bulan, 8:00 pagi – 6:00 petang).